

27/01/1998

Pemilihan bahagian secara rundingan (HL)

Mohd Shah Abdullah

KOTA BHARU, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno akan berusaha memastikan pemilihan bagi jawatan parti di peringkat bahagian pada Mac depan dilakukan secara rundingan, bukan pertandingan.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MT akan menjelaskan kepada anggota dan pemegang jawatan parti peringkat bahagian supaya mencapai persetujuan di kalangan mereka bagi mengelak pertandingan, demi kepentingan parti.

"Kita utamakan kepentingan parti walaupun kita percaya kepada demokrasi. Demokrasi yang membawa kepada pecah belah bukan sesuatu yang kita suka lihat," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan, di Rumah Sri Kelantan, di sini hari ini.

Hadir sama dalam mesyuarat kira-kira tiga jam itu ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa serta pemimpin Umno di peringkat bahagian.

Walaupun pemilihan Umno peringkat bahagian akan diadakan dari 12 hingga 29 Mac depan, sudah kedengaran berita mengenai kemungkinan saingan sengit di beberapa kawasan termasuk membabitkan tokoh tertentu.

Menurut Perdana Menteri, prinsip pemilihan di peringkat bahagian Umno tahun ini akan lebih mengutamakan pendekatan kompromi dengan sebolehnya mencari titik persetujuan oleh semua pihak yang ingin bertanding.

Bagi jawatan selain Ketua bahagian, usaha akan dilakukan bagi mengurangkan pertandingan dan beliau sendiri akan menentukan tidak ada pertukaran dalam jawatan Timbalan Ketua Umno bahagian serta jawatan lain dalam hierarki parti.

Mengenai mesyuarat petang ini, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata, perbincangan menyentuh dengan panjang lebar mengenai pemilihan jawatan ketua bahagian pada Mac ini, selain turut membincangkan masalah ekonomi.

Fokus perbincangan kepada pemilihan di peringkat Umno bahagian di negeri ini adalah agenda yang tidak dapat dielakkan, berikutan ramalan berlaku pertandingan sengit di beberapa bahagian membabitkan tokoh penting Umno Kelantan.

Beliau juga berkata, semua 14 jawatan Ketua Umno bahagian di negeri ini tidak akan dipertandingkan dalam pemilihan peringkat bahagian. Persetujuan itu dicapai bagi memastikan keutuhan perpaduan parti bagi mengelak perpecahan yang boleh merugikan Umno dan Barisan Nasional (BN) Kelantan sendiri.

Ini termasuk di bahagian Peringat membabitkan Annuar, yang kononnya akan dicabar Timbalannya, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir. Pertandingan juga diramalkan berlaku dalam Umno bahagian Kubang Kerian dan Rantau Panjang.

Menurut Perdana Menteri, persetujuan supaya jawatan Ketua Bahagian itu tidak dipertandingkan dicapai demi menjaga perpaduan dalam Umno sendiri sekali gus mengelakkan berlakunya perpecahan.

"Ketua bahagian akan kekal dan tiada cabaran melainkan kalau ketua bahagian bersetuju s berundur diri atau tidak menawarkan diri untuk bertanding," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau akan menjelaskan perkara itu kepada seluruh ahli Umno di negeri ini berhubung langkah yang diambil bertujuan untuk menjaga kepentingan parti dan bukan perjuangan individu.

Bagaimanapun, hanya Umno bahagian Gua Musang saja yang memutuskan supaya jawatan itu diserahkan kepada bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46

(S46), Tengku Razaleigh Hamzah.

Menjawab pertanyaan, Dr Mahathir yakin langkah yang diambil oleh Umno Kelantan itu akan membantu menjadikan parti lebih kuat untuk menghadapi cabaran Pas dalam pilihan raya umum akan datang.

(END)